



قجاجة قربندهارآن نكري كلتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Penolong Pegawai Kewangan Negeri I : 09-7441024
Ketua Unit Analisis & Pemantauan Pelaburan : 09-7483495
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : pejkn@kelantan.gov.my

Rujukan : PKN.A.1/9-2/Jld.2(16)
Bertarikh : 18 Safar 1432H
23 Januari 2011

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 1/2011

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Dato'/ Tuan/ Puan,

KONTRAK PUSAT BAGI MEREKABENTUK, MEMBUAT, MENCETAK DAN MEMBEKAL BAHAN-BAHAN PERCETAKAN KEPADA SEMUA JABATAN KERAJAAN NEGERI DISELURUH KELANTAN BAGI TAHUN 2011

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Negeri (PKPN) ini bertujuan memaklumkan kepada semua Jabatan Kerajaan Negeri mengenai pelaksanaan perolehan melalui Sistem Kontrak Pusat bagi merekabentuk, membuat, mencetak dan membekal bahan-bahan percetakan kepada semua Jabatan Kerajaan Negeri diseluruh Kelantan.
- 1.2 Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah diminta mengambil tindakan melaksanakan pemakaian pekeliling ini.

2. BUTIR-BUTIR KONTRAK

- 2.1 Perbendaharaan Negeri telah bersetuju untuk mengikat kontrak di atas dengan pembekal yang disenaraikan di perenggan 2.2.

2.2 Butir-butir lengkap pembekal adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama Syarikat	Alamat/No. Telefon/No. Faks	Perincian Bank
1.	Percetakan Dan Perniagaan Nik Daud Sdn. Bhd.	Percetakan Dan Perniagaan Nik Daud Sdn. Bhd. No. 3512-P, Jalan Sultanah Zainab, 15050 Kota Bharu, Kelantan. No. Tel : 09-7483466 No. Fax : 09-7483466	CIMB Bank Cawangan Wakaf Siku No. Akaun Bank: 0305-009285-05-1
2.	A & D Printing And Stationery Co. Sdn. Bhd.	4469-A, Jalan Abdul Kadir Abadi 15100 Kota Bharu, Kelantan No. Tel : 09-7485227 No. Fax: 09-7440601	CIMB Bank Cawangan Kota Bharu No. Akaun Bank: 0301-0048405-05-6
3.	Al Kafilah Enterprise	U2-F1, Tingkat 2, Menara Perbadanan Jalan Tengku Petra, Semerak 15000 Kota Bharu, Kelantan No. Tel : 09-7446275 No. Fax : 09-7435617	CIMB Bank Cawangan Kota Bharu No. Akaun Bank: 0305-0007814-05-2
4.	Dian Darulnaim Sdn. Bhd	5315-A, Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang 15700 Kota Bharu, Kelantan No. Tel : 09-7443510 No. Tel : 09-7487619	Bank Islam Cawangan Kubang Kerian No. Akaun Bank: 03018010075836
5.	Puncak Barisan (M) Sdn. Bhd	1727 Tingkat Bawah, Taman Aman Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra 15150 Kota Bharu No. Tel : 09-7438696 No. Fax : 09-7441253	Maybank Cawangan Perbankan Islam Kota Bharu No. Akaun Bank: 553104201404
6.	Percetakan Nasional Sdn. Bhd.	Lot 13A-D KIM Fasa IU Jalan Padang Tembak Pengkalan Chepa 16100 Kota Bharu Kelantan No. Tel : 09-7713141 09-7713143 No. Fax: 09-7713142	Maybank No. Akaun Bank: 013014432021

- 2.3 Pembekal adalah diwajibkan mengemukakan laporan ke Perbendaharaan Negeri menggunakan format seperti di jadual III untuk setiap suku tahun sebelum 15hb. berikutnya. Kegagalan Pembekal berbuat demikian akan menjejaskan peluang penyenaraian sebagai syarikat Pembekal pada masa hadapan.

3. TEMPOH KONTRAK

- 3.1 Perolehan secara Kontrak Pusat ini adalah untuk tempoh satu (1) tahun berkuatkuasa dari 01 Januari 2011 sehingga 31 Disember 2011.

4. HARGA PERCETAKAN

- 4.1 Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih termasuk semua cukai serta kos pembungkusan dan penghantaran/pengiriman seperti di jadual 1.

5. SPESIFIKASI ALAT PERCETAKAN

- 5.1. Spesifikasi bagi setiap jenis/item percetakan adalah sebagaimana Jadual II.

6. TEMPOH PENGHANTARAN PEMBEKAL

- 6.1 Tempoh penghantaran pembekal sebagaimana kontrak adalah tidak melebihi dua (2) minggu daripada tarikh Pesanan Kerajaan dikeluarkan.

7. KAEDAH PELAKSANAAN

- 7.1 Semua Jabatan Kerajaan Negeri dikehendaki mematuhi kaedah pelaksanaan seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 3/2009.

8. HAL-HAL LAIN


- 8.1 Jabatan hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi pembekal yang kurang memuaskan, jika ada ke Perbendaharaan Negeri.
- 8.2 Jika ada sebarang kemusykilan mengenai Pekeliling Kontrak Pusat ini, Jabatan Kerajaan Negeri boleh menghubungi Pejabat Perbendaharaan Negeri, Bahagian Perolehan & Aset Kerajaan, Blok 4 Tingkat 2 Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu atau di talian telefon 09 – 7481957 (ext: 4207, 4206).

9. KUATKUASA

- 9.1 Jenis/kategori bahan-bahan percetakan yang tidak dinyatakan di jadual satu (1) di atas adalah tidak tertakluk kepada Pekeliling ini.
- 9.2 Bagi cetakan bilangan mukasurat bagi mana-mana jenis/kategori item di jadual I yang tidak dinyatakan dalam pekeliling ini, kelulusan bertulis bersama sebutharga hendaklah dikemukakan kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu sebelum pelaksanaan dengan mana-mana pembekal kontrak pusat yang dipilih.
- 9.3 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)

Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

s.k.

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan